



**BAHAGIAN PELESENAN
MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU**

**GARIS PANDUAN
PERMOHONAN LESEN IKLAN/ IKLAN LUAR**

(IKLAN PREMIS/ 'BILLBOARD'/ KAIN RENTANG/ GEGANTUNG SEUMPAMANYA)

**BAHAGIAN PELESENAN
MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU,
MENARA MBKT,
NO 1. JALAN WARISAN TANJUNG 1,
20000 KUALA TERENGGANU**

TEL : 09-612 1111

EMEL : jkpersekitaran@gmail.com

LAMAN SESAWANG : www.mbkt.gov.my

TERBITAN 15 Ogos 2023 (BIL.1/2023)

1. OBJEKTIF GARIS PANDUAN


Garis panduan ini menerangkan mengenai tatacara untuk memohon lesen iklan/ permit iklan luar dalam kawasan Pentadbiran Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT).







2. OBJEKTIF PELESENAN

- i. Memastikan lesen iklan/ iklan luar yang dipamerkan di dalam kawasan Pentadbiran Majlis mempunyai permit yang sah dan mematuhi syarat-syarat permit yang di tetapkan merujuk kepada Undang-undang Kecil Iklan (MBKT), 1982.
- ii. Memastikan setiap aktiviti perniagaan beroperasi dalam keadaan teratur dan selamat.
- iii. Memastikan penggunaan tulisan jawi dan Bahasa Malaysia yang tepat sebagaimana yang di tetapkan oleh Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP).

3. SKOP PELESENAN

- i. Iklan ertinya apa-apa pemberitahuan, pemakluman atau penerbitan yang ditunjukkan atau didirikan bagi maksud memberitahu orang ramai akan sesuatu barang, keluaran, pengeluaran, tempat, peristiwa atau apa jua benda yang dipamerkan di atas sesuatu papan dendeng, papan, bumbung, dinding, pancang, pagar, pokok, bingkai, papantanda, pelit, kain, palang, tiang, dawai, kekepok atau lain-lain binaan atau alatan atau mana-mana bahagian daripadanya di atas, di dalam atau di sebelah atas mana-mana tanah, rumah, bangunan, struktur, siarkaki, jalan atau tempat awam dan digunakan untuk maksud iklan dan dapat dilihat dari mana-mana jalan atau tempat tumpuan orang ramai dan termasuk tanda di bumbung, tanda arah dan papan tanda.
- ii. Iklan bersinar ertinya iklan berlampu.
- iii. Lain-lain bahasa ertinya Bahasa Inggeris, Bahasa Cina atau Bahasa Tamil dan seumpamanya.
- iv. Contoh iklan adalah sebagaimana berikut :

Bil.	Aktiviti	Definisi	Contoh
1.	Iklan Premis/ Dinding	Iklan yang dipamerkan pada premis perniagaan.	

2.	Iklan Menganjur	Iklan yang menonjol ke hadapan daripada bahagian premis dan seumpamanya.	
3.	Iklan Berpancang	Iklan yang dipamerkan dengan dipacakkan tiang pada tanah atau konkrit dan seumpamanya.	
4.	Iklan Pagar/ Projek	Papan iklan yang dipasang pada pagar sementara untuk tujuan keselamatan semasa pelaksanaan sesuatu projek binaan atau bagi menutup sesuatu visual yang kurang menarik	
5.	<i>Billboard</i>	Papan iklan bagi barangan, aktiviti atau perkhidmatan yang disokong oleh struktur. <i>Billboard</i> juga terdapat di dalam bentuk menara iklan satu tiang atau <i>unipole</i> yang di tempatkan di atas satu tiang keluli yang tinggi.	
6.	Iklan LED/ Elektronik	Iklan dengan paparan digital yang berfungsi sebagai sebuah peti televisyen yang menyiarkan visual bergerak bagi tujuan pengiklanan.	
7.	Iklan Pilon	Iklan yang memberikan maklumat bagi promosi atau arah bagi suatu perniagaan.	

8.	Kain Rentang/ Gegantung	Iklan sementara bagi menghebahkan sesuatu kegiatan, produk dan sebagainya yang diletakkan di tempat awam atau hadapan premis.	
9.	Iklan Belon	Iklan bagi mempromosikan perniagaan untuk lebih menarik minat pelanggan.	
10.	Iklan Logo	Iklan gabungan produk atau perkhidmatan dengan suatu perusahaan tertentu, memaparkan konsep dan membawa makna tertentu.	
11.	Poster/ Risalah	Iklan yang bukan dari jenis iklan perdagangan yang kekal dan tidak berukuran lebih dari 75 cm lebar dan 1 meter panjang.	



v. Contoh lakaran iklan :



Bahasa Malaysia merujuk pada aktiviti perniagaan di bahagian atas dan jelas.	Contoh visual (penggunaan visual yang menepati syarat-syarat pentadbiran).	Tulisan jawi merujuk pada aktiviti perniagaan di bahagian atas dan jelas.
Contoh saiz ukuran iklan.	Contoh saiz ukuran iklan.	Ruangnombor kod kelulusan MBKT.
Ruangnama syarikat.		

4. ASAS PERUNDANGAN

Semua aktiviti pengiklanan yang di lesenkan adalah berdasarkan pada Undang-Undang Kecil Iklan (MBKT), 1982 yang diguna pakai oleh Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT).

5. LARANGAN PEMASANGAN IKLAN LUAR (KAIN RENTANG/ GEGANTUNG) DI LOKASI YANG TIDAK DIBENARKAN

Mengikut Undang-Undang Kecil Iklan (MBKT) 1982, tiada seorang pun boleh mempamerkan atau mendirikan atau menyebabkan dipamerkan atau didirikan apa-apa iklan tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Majlis.

Bil.	Kawasan Larangan Pemasangan
i.	Pemasangan di tiang yang berhampiran dengan lampu isyarat (sekurang-kurangnya perlu jarak 1 tiang dari tiang lampu isyarat).
ii.	Pemasangan pada tiang lampu isyarat.
iii.	Di kawasan persimpangan jalan yang menghalang pandangan lalu lintas.
iv.	Di hadapan istana, pagar sekolah, masjid dan pejabat-pejabat kerajaan (perlu mendapatkan kebenaran terlebih dahulu).
v.	Mana-mana tempat/ lokasi/ kawasan yang di tetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

6. SYARAT ASAS PERMOHONAN

Permohonan iklan/ iklan luar boleh dibuat oleh individu/ syarikat sebelum pemasangan dibuat di premis/ lokasi/ kawasan yang di benarkan dengan syarat menyediakan semua dokumen asas permohonan serta dokumen teknikal sokongan yang berkaitan.

Bil.	Syarat Asas Permohonan
i.	Contoh visual/ gambar bagi iklan/ iklan luar hendaklah mematuhi syarat Majlis iaitu penggunaan Bahasa Malaysia dan tulisan jawi diwajibkan serta tepat dari segi ejaan, tulisan, tatabahasa, terjemahan dan lain-lain kaedah (pengesahan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) diutamakan). Penggunaan tulisan jawi dan Bahasa Malaysia hendaklah terbesar dan teratas daripada lain-lain bahasa serta lebih terang dan cerah berbanding lain-lain warna yang digunakan.
ii.	Penggunaan kalimah 'Allah' dan 'Muhammad' adalah tidak di benarkan sama sekali.
iii.	Penggunaan perkataan-perkataan "Halal" atau "Ditanggung Halal" atau lain-lain perkataan yang menunjukkan bahawa sesuatu makanan yang di maksudkan oleh iklan itu adalah halal bagi orang islam memakannya atau tidak mengandungi apa-apa bahan yang di tegah bagi orang islam adalah tidak di benarkan.
iv.	Mengisi dan mengemukakan borang permohonan pemasangan iklan/ iklan luar dengan lengkap bersama dokumen asas beserta wang proses permohonan sebagaimana di bil. (7).
v.	Salinan lesen premis MBKT (iklan pada premis)/ Perakuan Pendaftaran Syarikat/ Perniagaan (Borang 9, Borang 24, Borang 49) bagi iklan luar.

7. DOKUMEN BERSAMA PERMOHONAN


Bil.	Dokumen Asas Permohonan	Keperluan
i.	Contoh visual/ Gambar Iklan.	Dua (2) salinan
ii.	Salinan lesen premis MBKT/ Perakuan Pendaftaran Syarikat/ Perniagaan (Borang 9, Borang 24, Borang 49).	Satu (1) salinan
iii.	Surat kebenaran dari pemilik bangunan/ tapak bagi permohonan selain dari tempat yang di benarkan oleh Pihak Majlis.	Satu (1) salinan
iv.	Pengesahan penggunaan bahasa yang betul (DBP). (jika ada)	Satu (1) salinan
v.	Permit sementara bagi kelulusan <i>Billboard</i> / kelulusan pihak berkaitan bagi iklan pagar/ tapak projek.	Satu (1) salinan
vi.	Gambar lokasi/ tempat/ kawasan pemasangan iklan.	Dua (2) salinan
vii.	Polisi Insuran. (bagi iklan yang melebihi 100 kaki persegi)	Satu (1) salinan
viii.	Wang proses RM 10.00 bagi setiap permohonan.	

8. KAEDAH PERMOHONAN IKLAN/ IKLAN LUAR


i. Kaedah Permohonan

<p>Manual</p> <p>Borang permohonan boleh di dapati di kaunter setempat, Bahagian Pelesenan MBKT dan borang permohonan yang lengkap hendaklah diserahkan di kaunter berkenaan.</p>	<p>Kaunter Setempat, Aras Bawah, Menara MBKT, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu No 1. Jalan Warisan Tanjung 1, 20000 Kuala Terengganu</p> <p>Kaunter Bayaran, Pejabat MBKT, Cawangan Kuala Nerus, Gong Badak</p> <p>Waktu Operasi Kaunter :</p> <p>Ahad – Rabu 8.00 pagi – 4.00 petang</p> <p>Khamis 8.00 pagi – 3.00 petang</p> <p>Tel. : 09-612 1111 Faks : 09-6121212 E-mel : jkpersekitaran@gmail.com Laman Sesawang : www.mbkt.gov.my</p>
--	---

9. CARTA ALIR PERMOHONAN LESEN IKLAN (PREMIS/ BILLBOARD)



10. CARTA ALIR PERMOHONAN LESEN IKLAN LUAR (KAIN RENTANG/ GEGANTUNG/ SEUMPAMANYA)



11. PIAGAM PELANGGAN KEPUTUSAN PERMOHONAN

Piagam Pelanggan	Tempoh
Tempoh proses permohonan lesen iklan.	30 hari selepas menerima permohonan lengkap.
Tempoh proses permohonan permit iklan luar/ kain rentang/ gegantung seumpamanya.	Kelulusan segera (1-7) hari daripada permohonan lengkap yang diterima.

12. KEPUTUSAN PERMOHONAN

Output	Lesen iklan
Kelulusan dalam tempoh 30 hari	Pengeluaran lesen

Output	Permit iklan sementara
Kelulusan serta-merta	Pengeluaran pelekat selepas bayaran pelekat dan wang deposit dijelaskan

13. SYARAT-SYARAT LESEN IKLAN/ PERMIT IKLAN LUAR

13.1 PENGGUNAAN TULISAN DAN BENTUK LAKARAN

- i. Setiap paparan visual iklan luar/ sementara hendaklah menggunakan Bahasa Malaysia dan tulisan jawi serta di pastikan betul dari segi penggunaan perkataan, susunan ayat, ejaan, tulisan, tatabahasa, terjemahan dan sebagainya mengikut garis panduan yang di tetapkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di samping penggunaan bahasa-bahasa lain.

13.2 TEMPOH KELULUSAN/ TEMPOH YANG DIBENARKAN

Jenis	Lokasi	Tempoh Kelulusan
Iklan premis	Premis perniagaan	1 tahun
Iklan sementara	Hadapan premis, tiang elektrik yang dibenarkan	2 bulan (pada premis) 1 bulan (luar premis)

- a) Pembaharuan lesen iklan boleh dibuat bermula 1 November pada setiap tahun untuk tahun berikutnya.
- b) Semua iklan luar/ sementara hendaklah diturunkan oleh pemohon selepas tempoh kelulusan permit tamat (selewat-lewatnya 3 hari). Tindakan undang-undang dan penguatkuasaan akan diambil terhadap pemohon/ syarikat sekiranya gagal.

- c) Pembatalan wang deposit/ amanah akan terbatal sekiranya pihak pemohon gagal untuk menurunkan iklan luar/ sementara dalam tempoh yang telah di tetapkan.
- d) Pihak Majlis tidak akan bertanggungjawab ke atas kerosakan atau kehilangan iklan sementara yang dipamerkan.
- e) Permohonan untuk melanjutkan tempoh pemasangan iklan luar/ sementara hendaklah dibuat sekurang-kurangnya 3 hari sebelum tempoh kelulusan tamat.

14. LOKASI/ SYARAT-SYARAT PEMASANGAN IKLAN/ IKLAN LUAR

- a) Hadapan premis perniagaan milik pemohon/ syarikat dan tempat-tempat yang di benarkan oleh Majlis untuk memasang iklan luar/ sementara.
- b) Pemohon bertanggungjawab memastikan iklan/ iklan sementara dipamer atau dipasang dengan kemas, seragam dan teratur serta tidak mendatangkan kacau ganggu kepada orang awam.
- c) Penggunaan bahasa/ gambar lucah dan visual yang tidak bermoral/ mendedahkan aurat adalah di tegah dan tidak di benarkan sama sekali.
- d) Penggunaan visual minuman yang memabukkan adalah tidak di benarkan sama sekali kecuali pada premis non-muslim yang di lesenkan untuk jualan minuman yang memabukkan.
- e) Mengemukakan insurans tanggungan awam bagi setiap paparan iklan yang melebihi saiz 100 kaki persegi.
- f) Tuntutan wang deposit/ amanah bagi iklan luar/ sementara boleh dibuat selepas penurunan iklan sementara dilakukan sebagaimana tempoh yang di tetapkan (3 hari selepas tamat tempoh permit).
- g) Pemasangan iklan luar/ sementara juga di larang dipasang di tiang berhampiran dengan lampu isyarat (sekurang-kurangnya perlu jarak 1 tiang dari lampu isyarat) dan berhampiran dengan persimpangan jalan yang boleh mendatangkan bahaya kepada pengguna jalan raya.
- h) Permit hendaklah dipamerkan dengan melekatkan pelekat (sticker) yang sah oleh Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.
- i) Pihak Majlis berhak menurunkan iklan/ iklan luar akibat rosak, lokasi pemasangan bertentangan dengan kelulusan permit, visual yang dipamerkan tidak selari dengan kelulusan permit atau tamat tempoh permit.
- j) Rampasan akan dibuat sekiranya iklan/ iklan sementara yang dipamerkan tanpa kelulusan daripada Majlis, tidak digantung dengan sempurna, dipamerkan di lokasi yang tidak di luluskan dan tidak diturunkan setelah tamat tempoh kelulusan.
- k) Tuntutan kembali iklan bagi kain rentang dan gegantung yang telah dirampas oleh pihak majlis boleh dibuat di pejabat MBKT dalam tempoh 3-7 hari dan pemohon akan dikenakan denda/ kompaun sebelum penyerahan semula. Tempoh tuntutan adalah selama 3 hari bagi iklan yang tidak berlesen manakala

7 hari bagi iklan yang berlesen.

- l) Pemohon hendaklah mematuhi arahan dan syarat-syarat tambahan MBKT dari semasa ke semasa.

15. KADAR BAYARAN

Iklan premis	Iklan Tidak Bersinar < 9 meter persegi	RM 50.00 (1 paparan) (1 tahun)
	Tambahan setiap 1 meter persegi	RM 5.00
	Iklan Bersinar < 9 meter persegi	RM 80.00 (1 paparan) (1 tahun)
	Tambahan setiap 1 meter persegi	RM 8.00
	Iklan Menganjur >16 cm <2 meter persegi	RM 10.00 (1 paparan) (1 tahun)
	Tambahan 1 meter persegi/ sebahagian (Tidak Bersinar)	RM 5.00
Iklan Menganjur >16 cm <1 meter persegi	Tambahan 1 meter persegi/ sebahagian (Bersinar)	RM 10.00 (1 paparan) (1 tahun)
	Tambahan 1 meter persegi/ sebahagian (Bersinar)	RM 10.00

Kain Rentang (Banner)	<u>Deposit</u> 01 – 10 Helai 11 – 20 Helai 21 Helai ke atas	RM 100.00 RM 200.00 RM 300.00
	Lesen Kain Rentang	<9 meter persegi : RM 10.00 /1 Unit /1 Bulan Tambahan 1 meter persegi/ sebahagian : RM 1.00
	Pelekat (Sticker)	RM 5.00/ 1 Unit

Gegantung (Bunting)	<u>Deposit</u> 01 – 10 Helai 11 – 20 Helai 21 – 30 Helai 31 – 40 Helai 41 – 100 Helai 101 – 200 Helai 201 Helai ke atas	RM 50.00 RM 100.00 RM 150.00 RM 200.00 RM 500.00 RM 1,000.00 RM 2,000.00
	Lesen Gegantung (2' X 6')	RM 10.00 /1 Unit
	Pelekat (Sticker)	RM 5.00 /1 Unit
	Sewa Tiang /Unit /Hari	RM 1.00 /Unit /Hari

16. KAEDAH PEMBAHARUAN LESEN IKLAN

Pembaharuan lesen boleh dibuat di kaunter setempat, MBKT dengan membawa lesen asal/ salinan atau permit.

17. DOKUMEN TAMBAHAN BAGI PERMOHONAN PEMULANGAN/ BAYARAN BALIK WANG DEPOSIT/ AMANAH

Bil.	Dokumen Asas Permohonan	Keperluan
i.	Resit asal bayaran wang deposit.	Satu (1) salinan
ii.	Salinan kad pengenalan/ SSM (bagi Syarikat).	Satu (1) salinan
iii.	Borang tuntutan balik wang deposit/ amanah.	Satu (1) salinan
iv.	Penyata akaun bank.	Satu (1) salinan

18. BORANG PERMOHONAN LESEN IKLAN DAN PERMIT IKLAN SEMENTARA

- i. Sepertimana lampiran 1

19. BORANG PERMOHONAN PEMBATALAN LESEN IKLAN

- i. Sepertimana lampiran 2

20. BORANG PERMOHONAN PEMULANGAN WANG DEPOSIT/ AMANAH

- i. Sepertimana lampiran 3





MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU
 MENARA MBKT, NO. 1, JALAN WARISAN TANJUNG 1,
 20000 KUALA TERENGGANU
 TEL: 09-612 1111 FAKS: 09-612 1212

**BORANG PERMOHONAN LESEN
 LESEN IKLAN / KAIN RENTANG / BUNTING**

ARAHAN

1. Sila baca syarat-syarat permohonan dengan teliti.
2. Sila pastikan borang ini diisi dengan lengkap dan terang.
 (Permohonan yang tidak lengkap dan tidak terang akan ditolak).
3. Sila gunakan 'HURUF BESAR'.
4. Sila isikan borang ini dengan menggunakan dakwat HITAM / BIRU.
5. Sila tandakan (/) pada petak-petak bertanda (*).
6. Sila isikan ruangan yang berkaitan dengan lesen yang dipohon.

KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA	
No. Resit	
Tarikh	

SYARAT- SYARAT AM PERMOHONAN

1. Satu salinan Memorandum dan Perkara Persatuan bagi Syarikat (Memorandum and Articles Of Association). Borang 24 (Return Of Allotment Of Shares) dan Borang 49 (Return Giving Particulars in Register Of Directors Managers And Secretaries And Changes Of Particular) Akta Pendaftaran Syarikat 1965.

atau

- Satu salinan Borang A (Pendaftaran Perniagaan) atau Borang B (Pendaftaran Perubahan Dalam Perniagaan) dan Borang D (Perakuan Pendaftaran Perniagaan) mengikut Ordinan Pendaftaran Perniagaan 1956 atau Satu Salinan Pendaftaran Koperasi.
2. Satu salinan Sijil Akuan Kelayakan Menduduki Bangunan (SAKMB) / Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) / Permit Sementara / Surat Kelulusan Pindaan Bangunan / Kelulusan Ubah Kegunaan yang telah diluluskan oleh Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.

atau

- Sila kemukakan satu salinan lesen premis tahun semasa bagi perniagaan yang beroperasi dalam kawasan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.
3. Sila lampirkan 1 keping pelan tapak / lokasi perniagaan.
4. Penggunaan **BAHASA MELAYU** dan **TULISAN JAWI** adalah **DIWAJIBKAN**. Saiz **TULISAN JAWI** hendaklah terbesar dan teratas serta hanya dalam **perkataan Bahasa Melayu sahaja**.
5. Sila kembalikan 2 keping contoh bagi setiap iklan yang dipohon pada premis / kain rentang dan bunting.
 (Contoh iklan yang dilampirkan hendaklah dicetak ('print') / gambar dilekatkan dalam kertas ukuran 'A4').
6. Borang yang telah lengkap diisi hendaklah diserahkan di Kaunter Setempat, Menara MBKT bersama dengan wang proses RM 10.00 satu permohonan.

A - MAKLUMAT PEMOHON / SYARIKAT PERNIAGAAN / PREMIS

BAHAGIAN 1 : DATA PERIBADI PEMOHON

1. Nama Penuh
(Seperti dalam K/Pengenalan)

2. No. Kad Pengenalan /
No. Pasport

3. Taraf Kewarganegaraan Warganegara Penduduk Tetap Bukan Warganegara

4. Alamat Surat-Menyurat
 Poskod

5. No. Telefon - 6. Jantina (*) L P

7. Agama 8. Bangsa

9. Jawatan dalam Syarikat (Jika Ada)

BAHAGIAN 2 : MAKLUMAT PERNIAGAAN

1. Nama Syarikat Perniagaan

2. No. Pendaftaran Perniagaan -

3. Alamat Syarikat
 Poskod

4. i) No. Telefon -
ii) No. Faksimili -

BAHAGIAN 3 : MAKLUMAT PREMIS

1. Alamat Premis
 Poskod

2. Jenis Premis (*) Rumah Kedai Rumah Tumpangan Kilang
 Kompleks Beli Belah Rumah Kediaman
 Lain-lain Premis (Nyatakan:)

3. Pemilikan (*) Bangunan Sewa Bangunan Sendiri

4. Nama Pemilik /
Tuan Punya Premis

B. MAKLUMAT LESEN PAPAN IKLAN PADA PREMIS / ‘ BILLBOARD ’

1. Ukuran

Bil	Panjang (m)	Lebar (m)	Jumlah (m.pers)	Bersinar	Tak Bersinar	Tulisan Jawi

2. Lokasi / Alamat Pemasangan :

C. MAKLUMAT LESEN PEMASANGAN KAIN RENTANG / BUNTING

- 1. Jenis / Jumlah : i) Kain Rentang – Jumlah keping
ii) Bunting – Jumlah keping
- 2. Tempat Pemasangan : Pada Premis Tiang Lampu dll: Nyatakan.....
- 3. Saiz : m.panjang m.lebar m.per
- 4. Tempoh Pemasangan : hingga Jumlah hari
- 5. Lokasi Pemasangan : Alamat premis / Lokasi kain rentang atau bunting yang hendak dipasang
 - i.
 - ii.
 - iii.
 - iv.

D. PENGAKUAN PEMOHON

SayaK/P:
 mengaku segala maklumat yang diberikan adalah benar dan berjanji akan mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis dan saya juga faham bukan menjadi tanggungjawab Majlis atas kerosakan atau kehilangan papan iklan / ‘Billboard’ / kain rentang / bunting yang dipasang. Sekiranya sebarang pelanggaran syarat, maka pihak Majlis berhak menarik balik kelulusan tanpa sebarang notis dan melupuskan deposit / wang amanah yang dijelaskan

.....
 Tandatangan / Cop Syarikat

Tarikh :

E. UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

1. Deposit Kain Rentang (Bilangan : Keping) Deposit : RM Lesen : RM Stiker : RM
2. Deposit Bunting (Bilangan: Keping) Deposit : RM Lesen : RM Stiker : RM Sewa Tiang: RM

Diterima Oleh :

Tarikh :

()

Lampiran 2 :

..... No. Akaun :
.....
.....
.....

(ALAMAT SURAT MENYURAT)

Bertarikh:

PER: MEMOHON PEMBATALAN LESEN PAPAN TANDA

PREMIS NO :
.....

Saya seperti nama di atas dirujuk.

2. Saya memohon untuk pembatalan lesen papan tanda yang berkod
..... kerana saya tidak lagi menggunakan di premis tersebut di atas.

3. Bersama-sama ini dikembarkan satu salinan lesen Majlis Bandaraya Kuala Terengganu bagi rujukan pihak tuan selanjutnya.

Sekian , terima kasih.

Yang Benar,

.....
(.....)
K/P :
NO . TEL :

Lampiran 3 :



**JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN
MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU**

Bertarikh :

.....
.....
.....
.....
(alamat surat-menyurat pemohon)

Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.
Yang Berbahagia Datuk,

**PERMOHONAN UNTUK MENDAPATKAN BALIK BAYARAN DEPOSIT (AMANAH) SEWA
TAPAK DALAM KAWASAN MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU.**

Dengan ini saya / kami memohon bayaran balik amanah sebagaimana nama / syarikat
sepertimana di bawah :

- 1) *Nama :
- 2) Nama Syarikat :
- 3) No. Kad Pengenalan :
- 4) *No. Akaun Bank :
- 5) *Nama Bank :
- 6) *No. Telefon :

Untuk makluman pihak Majlis, pihak saya / kami telah pun menurunkan ke semua Gegantung,
Kain Rentang dan Papan Tanda Sementara dalam tempoh yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

Saya yang benar,

.....
()

* Ruang di atas hendaklah diisi dengan jelas dan betul.

Sila tuan / puan kembalikan satu (01) salinan :-

- a) Penyata Bank**
- b) Resit Bayaran Bil Amanah (Asal)**
- c) Surat Pesuruhjaya Sumpah (Asal)**
(sekiranya resit bayaran amanah asal hilang).